



## **TEKS UCAPAN**

**Y.BHG. TAN SRI JAMALUDDIN BIN HJ. AHMAD DAMANHURI,  
PENGERUSI  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

**DI MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT URUS SETIA SURUHANJAYA  
PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA DENGAN KEMENTERIAN, JABATAN,  
PENTADBIRAN NEGERI DI BAWAH BIDANG KUASA DAN SURUHANJAYA  
PERKHIDMATAN AWAM NEGERI**

**BAYVIEW HOTEL LANGKAWI MALAYSIA  
PADA 27 MEI 2008**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saudara/i Pengerusi Majlis,

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian, Jabatan, Negeri

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Hadirin yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulilah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat berjumpa dalam Mesyuarat diantara SPA Dengan Kementerian/Jabatan, Pentadbiran Negeri Di Bawah Bidang Kuasa SPA dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri pada pagi ini. Sebagai pihak pengajur mesyuarat, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang sudi hadir ke mesyuarat pada hari ini.

2. Sesungguhnya kehadiran tuan-tuan dan puan-puan yang mewakili kementerian, jabatan, dan kerajaan negeri dalam mesyuarat ini mencerminkan komitmen dan keazaman yang tinggi tuan-tuan dan puan-puan selaku pengurus sumber manusia sektor awam untuk meningkatkan lagi prestasi dan menambahbaik pelaksanaan tugas dan tanggung jawab yang diamanahkan. Saya juga ingin

merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) atas bantuan dan kerjasama yang diberi bagi memastikan kelancaran perjalanan mesyuarat kali ini. Adalah diharapkan mesyuarat ini akan menjadi wadah perkongsian ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pengurusan sumber manusia sektor awam di kalangan peserta-peserta demi meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanannya perkhidmatan awam secara keseluruhannya. Di pihak SPA pula kami berharap akan dapat bertukar-tukar fikiran dan mendapat maklumbalas daripada agensi-agensi berhubung kait dengan tugas yang dilaksanakan.

3. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan sekalian, pada tahun lepas, kita juga mengadakan mesyuarat sebegini pada 27 Mac hingga 28 Mac 2007 di Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan isu-isu berkaitan dengan urusan pengambilan, urusan perkhidmatan seperti pengesahan, kenaikan pangkat, tatatertib dalam perkhidmatan awam. Adalah menjadi harapan saya agar semua hasil perbincangan dan keputusan mesyuarat yang telah dan akan kita buat akan memberi manfaat kepada pihak Kementerian / Jabatan dalam melaksanakan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan sumber manusia di tempat masing-masing.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya dihormati sekalian,

4. Pengurusan Sumber Manusia merupakan satu aspek penting dalam menentukan tahap kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam sentiasa berada ditahap yang tinggi. Ini kerana manusia lah yang menggerakkan perkhidmatan awam. Segala sistem dan prosidur yang diujudkan dalam perkhidmatan awam hanya akan berfungsi dengan berkesan jika dilaksanakan oleh manusia secara yang betul. Manusia lah yang menggerakkan peralatan dan mesin, manusialah yang memberi layanan kepada pelanggan yang memerlukan perkhidmatan dan manusia lah yang membuat keputusan. Oleh yang demikian perkara-perkara mengenai pengurusan sumber manusia seperti pengambilan pegawai , urusan pengesahan dalam perkhidmatan, kemasukan ke taraf berpencen, kenaikan pangkat, tindakan tatatertib dan lain-lain, adalah aspek penting dalam pengurusan sumber manusia yang mempunyai kesan langsung ke atas usaha meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Ini kerana aspek-aspek ini menyentuh aspek kebijakan manusia yang kita uruskan. Jika aspek-aspek ini diurus dengan baik, dengan tepat dan betul pada masanya, ia mampu mendorong sikap positif

kepada warga kerja didalam sesebuah organisasi. Dalam hubungan ini tuan-tuan dan puan-puan sebagai Pengurus Sumber Manusia mempunyai peranan penting dalam menentukan tahap kecekapan urusan-urusan perkhidmatan di Kementerian dan di Jabatan tuan-tuan dan puan-puan supaya sentiasa berada ditahap yang tinggi.

5. Satu aspek penting dalam pengurusan sumber manusia sektor awam ialah wujudnya sistem ganjaran dan hukuman *reward and punishment*. Seseorang pegawai yang baik dan berprestasi tinggi akan mendapat ganjaran melalui pengesahan dalam perkhidmatan yang tepat pada waktunya, peluang kenaikan pangkat, anjakan gaji, anugerah khidmat cemerlang, peluang berkursus dan sebagainya. Sebaliknya, seseorang pegawai yang kurang baik atau berprestasi rendah akan berdepan dengan tindakan pengesahan perkhidmatan yang berdenda, notis penamatkan perkhidmatan, atau tindakan tatatertib yang seterusnya akan menjelaskan peluang menikmati ganjaran yang disediakan untuk pegawai yang baik dan yang berprestasi tinggi. Ini bermakna sistem ganjaran dan hukuman ini adalah merupakan mekanisme kawalan tingkah laku anggota dalam perkhidmatan awam. Walau bagaimana pun objektif mekanisme yang murni ini akan hanya dapat dicapai jika iaanya diuruskan dengan cekap, dengan tepat pada masanya dan dilaksanakan secara profesional oleh pengurus-pengurus sumber manusia. Untuk mencapai tahap ini saya berpendapat adalah wajar semua pengurus sumber manusia sektor awam meningkatkan tahap profesionalisme masing-masing bukan sahaja di peringkat pengurusan tetapi yang lebih penting adalah diperingkat keseluruhan organisasi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pengurusan sumber manusia.

6. Dari pemerhatian SPA , adalah diperhatikan masih ada ruang untuk meningkatkan tahap pengurusan sumber manusia sektor awam pada masa ini. Ini terbukti dalam urusan-urusan yang berkait dengan bidang tugas SPA. Dalam urusan pengambilan umpamanya saya dimaklumkan hanya 20 peratus kementerian yang mengemukakan maklumat bilangan pengambilan yang dijangka dalam tahun 2008 sepertimana yang diminta oleh call circular SPA. Ini amat menyukarkan SPA dalam membuat perancangan urusan pengambilan. Seringkali Kementerian dan jabatan mengemukakan permohonan pengisian jawatan kosong secara tiba-tiba tanpa perancangan lebih awal seperti yang dikehendaki. Dalam urusan pengesahan perkhidmatan juga terdapat Kementerian dan jabatan yang membiarkan anggotanya tidak

disahkan sehingga 7 tahun dan hanya dirujuk ke SPA pada tahun ke-8 dan seterusnya. Ini meylitkan pegawai yang terlibat kerana dinafikan haknya untuk mendapat kemudahan tertentu semata-mata kerana belum disahkan dalam jawatan. Terdapat juga jabatan yang mengambil masa yang amat lama untuk mengeluarkan surat keputusan Lembaga Tatatertib jabatan sehingga terdapat kes pemeritahuan ini diberitahu tujuh tahun selepas keputusan dibuat. Ini tentulah tidak adil kepada pegawai kerana beliau tidak berpeluang membuat rayuan kepada SPA tanpa surat pemberitahuan keputusan berkenaan.

7. Dalam usaha mendorong kementerian dan jabatan, supaya melaksanakan urusan sumber manusia dengan teratur berpandu kepada dasar dan peraturan yang telah digariskan secara profesional, mulai tahun 2009 SPA bercadang memberi sijil penghargaan dan pengiktirafan kepada Kementerian dan Jabatan yang melaksanakan urusan pengurusan sumber manusia tahun 2008 dengan baik. Antara aspek-aspek yang akan dinilai adalah berkaitan dengan urusan perancangan pengambilan, pelantikan kontrak, pertukaran sementara, peminjaman, pengesahan dalam perkhidmatan, pemberian taraf berpencen, tindakan tatatertib, kenaikan pangkat, dan lain-lain aspek yang berkaitan dengan pengurusan sumber manusia. Sijil ini akan diberikan kepada Kementerian/Jabatan berdasarkan kriteria yang akan ditetapkan oleh SPA dari semasa ke semasa dan akan disampaikan setiap tahun pada masa dan majlis yang sesuai.

8. Cadangan pemberian Sijil ini adalah selari dengan dasar Kerajaan supaya agensi-agensi menyediakan petunjuk prestasi utama atau *key performance indicators* (KPI) dalam mengesan dan memantau prestasi organisasi sektor awam khususnya dari aspek peningkatan kualiti perkhidmatan yang disampaikan. Sistem pemantauan menerusi KPI ini akan dapat membantu memastikan dasar-dasar kerajaan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Kita perlu sentiasa meningkatkan kualiti dan mengejar pembinaan supaya kita dapat menjadi lebih maju lagi. Kita perlu berusaha membudayakan kecemerlangan dan merancang usaha pembinaan secara berterusan. Prosedur perlu dikaji, birokrasi perlu dikurangkan, ketelusan dan kemesraan perlu ditingkatkan.

9. Saya berharap pengurus-pengurus sumber manusia yang ada pada hari ini bersedia menyemak semula atau taking stock ke atas sistem kerja di organisasi masing-masing dan bersedia membuat perubahan bagi penambahbaikan secara

berterusan dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pelaksanaan pengurusan sumber manusia . Harapan saya tuan-tuan dan puan-puan tidak menjadikan cadangan SPA memberi sijil pengiktirafan sebagai memberi tekanan tetapi hendaklah melihatnya sebagai satu cabaran yang positif demi kebaikan kita bersama. Adalah diharapkan dengan adanya Sijil pengiktirafan SPA ini, Kementerian dan jabatan akan dapat mengukur tahap pengurusan sumber manusia yang mereka laksanakan di agensi masing-masing. Ingatlah peranan kita dalam perkhidmatan awam adalah sentiasa berubah, ada kala kita menjadi pengurus, dan adakala nya kita pula menjadi pelanggan. Jika urusan kenaikan pangkat, urusan tatatertib, urusan kemasukan taraf berpencen yang kita laksanakan tidak teratur, satu masa kelak mungkin kita pula yang menanggung akibatnya apabila kita menjadi pelanggan kepada urusan-urusan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Perkongsian maklumat dan pengetahuan yang berterusan akan meningkatkan mutu perkhidmatan. Saya yakin, hasil perbincangan dua hari di Langkawi ini akan memberi manfaat dan menghasilkan impak yang diharapkan. Diharap pengetahuan yang diperolehi selama dua hari ini dikongsi bersama dengan pegawai-pegawai di kementerian atau di jabatan agar perkara-perkara yang dipersetujui dalam mesyuarat terutamanya yang berkaitan dengan aplikasi terhadap dasar, peraturan dan undang-undang berkaitan dengan pengurusan sumber manusia dapat dimanfaatkan dengan sepenuhnya.

11. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Mesyuarat Urus Setia Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Dengan Kementerian, Jabatan, Pentadbiran Negeri Di Bawah Bidang Kuasa Dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri.

**Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatulahi  
Wabarakatuh.**

27 Mei 2008